

Oleh Khairina Yasin  
kayrina@bharian.com.my

► Serdang

Universiti Putra Malaysia (UPM) antara lima pasukan yang bakal berentap pada cabaran akhir Fly Your Ideas (FYI) 2013 di Toulouse, Perancis anjuran Airbus Jun ini.

UPM yang dibarisi mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Aeroangkasa, Koo Teck Hock, Ong Thiam Chun, Teong Chee Khoon dan Tan Kai Jun akan bersaing dengan empat pasukan lain dari Australia, Brazil, India dan Itali.

Menggelarkan pasukan sebagai Embarker, mereka akan mempertaruhkan idea dan konsep kabin pesawat yang mampan diri, iaitu haba badan berlebihan daripada penumpang dalam kabin diguna sebagai sumber tenaga alternatif untuk menggerakkan alat elektronik kecil dalam kabin.

**Penyertaan 82 negara**

Kejayaan pasukan UPM layak ke pusingan akhir pertandingan berkenaan cukup membanggakan kerana berjaya mengetepikan saingan 6,000 penyertaan yang mewakili 618 pasukan dari 82 negara.

Naib Presiden Eksekutif Airbus yang juga penaung pertandingan FYI, Charles Champion, berkata setiap penyertaan dinilai jurutera Airbus yang berpengala-

man dan rata-rata tertarik dengan mutu kertas kerja dan inovasi kejuruteraan yang diketengahkan beberapa pasukan.

Katanya, perkembangan itu membuktikan pelajar hari ini mampu membawa perubahan dan memacu

perkembangan industri penerbangan bersifat mesra alam sekali gus berpeluang menyertai visi Airbus mengembangkan industri berkenaan.

**Bahan api mesra alam**

Wakil Australia, pasukan CLiMA dari Royal Melbourne Institute of Technology

akan mempertaruhkan idea pemajuan pesawat menggunakan bahan api gabungan biomethane cair yang dihasilkan secara bertahan dan bahanapi gas asli cair (Bio-LNG).

Pasukan Levar dari University of Sao Paulo, Brazil pula mencadangkan sistem muatan dan memunggah

# Berentap di Toulouse



Pasukan UPM yang bakal berentap pada Cabaran Akhir Fly Your Ideas (FYI) 2013 di Toulouse, Perancis, bulan depan.

UPM LAYAK KE PUSINGAN AKHIR PERTANDINGAN FLY YOUR IDEAS SELEPAS BERJAYA

MENGETEPIKAN SAINGAN 6,000 PENYERTAAN"

menggunakan-kusyen udara bagi kegunaan kompartmen kargo pesawat untuk mengurangkan beban kerja pengendali bagasi lapangan terbang.

Idea mengurangkan bising dengan cara mengubah suai bentuk ekzos jet menggunakan bahan pancalogam yang menjadi taruhan pasukan AVS dari

SRM University, India manakala pasukan Flybrid, Technical University of Milan, Itali pula mengetengahkan cadangan kombinasi elektrik/turboprop bagi pendorongan hibrid dalam pesawat serantau.